

## MEMAHAMI KEPEMIMPINAN SEBAGAI ELEMEN PENTING DALAM SEKTOR PENDIDIKAN BERASASKAN TINJAUAN LITERATUR

### *UNDERSTANDING LEADERSHIP AS A KEY ELEMENT IN EDUCATION SECTOR BASED ON LITERATURE REVIEW*

Romzi Ationg<sup>1</sup>

Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah<sup>2</sup>

Anna Lynn Abu Bakar<sup>3</sup>

Nurul Ain Zulhaimi<sup>4</sup>

Nurulasyikin Muda<sup>5</sup>

Irma Wani Othman<sup>6\*</sup>

Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>7</sup>

<sup>1</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mrationg@ums.edu.my)

<sup>2</sup>Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Sabah, Malaysia, (Email: raymondmajumah@hotmail.com)

<sup>3</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: annalynn@ums.edu.my)

<sup>4</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: ain@ums.edu.my)

<sup>5</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: syikin@ums.edu.my)

<sup>6</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)\*

<sup>7</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: amrazif@ums.edu.my)

\* Corresponding Author

#### Article history

**Received date** : 25-3-2021  
**Revised date** : 21-4-2021  
**Accepted date** : 16-5-2021  
**Published date** : 30-6-2021

#### To cite this document:

Ationg, R., Majumah, A. S. A. R., Bakar, A. L. A., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Othman, I. W., & Muis, A. M. R. A. (2021). Memahami Kepemimpinan Sebagai Elemen Penting Dalam Sektor Pendidikan Berasaskan Tinjauan Literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 1-10..

**Abstrak:** *Kepemimpinan merupakan aspek penting yang amat diperlukan bagi memastikan kejayaan suatu organisasi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ini termasuklah sektor pendidikan iaitu salah satu sektor yang dianggap oleh pelbagai pihak sebagai sektor penting dalam arus pembangunan negara-negara moden. Namun demikian, adalah diragui bahawa tidak semua memahami tentang hakikat ini. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan membincangkan tentang kepentingan kepemimpinan dalam sektor pendidikan berasaskan tinjauan literatur. Pendekatan metodologi yang digunakan bagi kertas kerja ini ialah pendekatan kualitatif yang memberi tumpuan kepada data sekunder. Sehubungan itu, adalah didapati bahawa sememangnya kepimpinan merupakan elemen penting dalam sector*

*Pendidikan. Berdasarkan perbincangan tersebut maka adalah diharapkan supaya kertas kerja ini dapat menyumbang kepada peningkatan kefahaman umum tentang hal tersebut.*

**Kata Kunci:** *Kepemimpinan; Pendidikan; Tinjauan Literatur; Elemen Penting Dalam Sektor Pendidikan*

**Abstract:** *Leadership is a key aspect generally required in the attainment of an organization's goals. This includes the educational sector, a sector which described by many as among the key sector in development agenda of modern countries. Nevertheless, it is doubtful that not everyone understands about this fact. Therefore, this paper presents a discussion on the importance of leadership goals in education sector based on literature review. The methodological approach of the study which this paper is based is a qualitative approach that focuses on secondary data. Accordingly, it appeared that leadership is indeed a key element in education sector. Based on the discussion, it is hoped that the paper contributes in the consolidation of public understanding about the matter.*

**Keywords:** *Leadership; Education; Literature Review; Key Element in Educational Sector*

---

## **Pengenalan**

Konsep kepemimpinan biasanya dikaitkan dengan proses mengerakkan sekumpulan manusia bagi tujuan melakukan tugas atau tanggungjawab untuk mencapai suatu matlamat atau objektif tanpa unsur paksaan (Agus, Masduki & Agus, 2020; Ationg, Zulhaimi, Ibrahim & Hashim, 2018; Ationg, 2001). Ini bermakna, kepemimpinan amat diperlukan dalam setiap pengurusan organisasi yang boleh dilakukan secara bersemuka mahupun secara maya. Hal ini demikian kerana kepemimpinan dapat memudahkan orang sekiling dalam menyiapkan sesuatu tugas. Tambahan pula, kualiti kepemimpinan yang baik banyak memberi impak positif terhadap penyelesaian tugas dengan lebih lancar. Ini dapat dilihat dalam pelbagai organisasi kerja yang menitikberatkan aspek saling kebergantungan antara satu sama lain dalam melahirkan generasi yang cemerlang dan berperwatakan baik. Oleh itu, perlu ditegaskan bahawa semua pihak dalam sektor pekerjaan sewajarnya memainkan peranan signifikan dalam usaha membentuk mahupun meningkatkan daya kepemimpinan yang baik dalam diri mereka.

Aspek kepemimpinan dalam sesebuah organisasi biasanya dikaitkan dengan usaha membangunkan modal insan terutamanya dalam kalangan warga (Martin & Marion, 2005). Ini bermakna, walau apa pun jenis sektor yang ada pada masa kini sektor-sektor tersebut memainkan peranan penting dalam membantu negara membangunkan modal insan yang berkualiti tinggi di mata dunia. Perlu dijelaskan juga tentang hakikat bahawa modal insan yang berkualiti atau juga sering disebut sebagai modal insan yang baik merujuk kepada modal insan yang mempunyai jati diri yang kuat, berketerampilan, berpengetahuan serta berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang (Hassan, 2020; Rozita, Muhammad & Bahiyah, 2018; Hassan & Safar, 2010; Yahya, Aziah & Yaakob, 2006). Menyedari hakikat ini maka warga yang dapat dibentuk menjadi modal insan berkualiti sudah semestinya mampu membantu pembangunan negara berikutan pemilikan daya kepemimpinan yang sewajarnya. Keadaan ini biasanya turut berlaku apabila kebanyakan warga terlibat menjadikan pemimpin

di dalam organisasi yang mana mereka menggagap diri mereka sebagai ahli seperti di sektor pendidikan, khususnya pendidikan tinggi, sebagai contoh atau teladan hidup mereka. Hal kerana para pemimpin sektor pendidikan seperti guru-guru, pengetua, dekan, naib canselor dan sebagainya biasanya menunjukkan daya kepemimpinan yang baik dan wajar dicontohi. Para pemimpin yang dimaksudkan pula biasanya diberikan tanggungjawab yang berat dalam melahirkan generasi atau pelajar yang berpotensi untuk menjadi insan yang berjaya bagi membolehkan mereka bersedia memimpin negara ke-arah pencapaian cemerlang aspirasi pembangunan negara pada masa hadapan. Oleh itu, sangat penting bagi sektor pendidikan menekankan elemen kepemimpinan dalam kurikulum dan kokurikulum yang ditawarkan. Sebagai contoh, usaha pihak sektor pendidikan dalam kurikulum sekolah bagi memupuk nilai-nilai murni dalam diri pelajar adalah dengan mementingkan mata pelajaran seperti etika dan akhlak, kepemimpinan, pendidikan moral, pendidikan Islam dan pendidikan sivik serta kewarganegaraan sudah semestinya dapat dijadikan bukti kukuh tentang tindakan kepimpinan sektor pendidikan dalam usaha menekankan kepentingan kepemimpinan untuk pembangunan negara. Malahan melalui usaha tersebut pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan peranan dan tanggungjawab pemimpin yang dianggap berkualiti atau baik. Tambahan pula, melalui aktiviti kokurikulum yang diterapkan dalam pelbagai jenis persatuan usaha menerapkan atau membina daya profesionalisme dan sifat cekap. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa sektor pendidikan memainkan peranan berkesan dalam usaha membentuk pelajar menjadi pemimpin yang baik. Dalam erti kata yang lain, sektor pendidikan dapat dilihat sebagai sektor yang penting bagi menjamin keberkesanan pembangunan modal insan terutamanya apabila ianya dikaitkan dengan elemen kepemimpinan.

Di samping itu, umum juga mengetahui hakikat bahawa sektor pendidikan mempunyai kemampuan untuk memastikan pelbagai pihak seperti pihak pengurusan mengamalkan gaya kepemimpinan yang diperlukan untuk kelancaran tadbirurus sektor tersebut. Ini kerana, gaya kepemimpinan bersesuaian yang diamalkan oleh pemimpin boleh mewujudkan sistem pengurusan yang baik sehingga dapat mempengaruhi tahap kemajuan dalam sektor ini. Para pemimpin sektor pendidikan biasanya berganding bahu mengerakkan misi dan visi jabatan atau sektor pendidikan secara umu. Melalui kerjasama dan komitmen tersebut maka secara tidak langsung tadbirurus jabatan dapat berjalan dengan lancar. Hal ini demikian kerana mereka mengamalkan gaya kepemimpinan yang sewajarnya dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Gaya kepimpinan dipersembahkan dalam sektor tersebut seterusnya menjadi pemangkin kepada usaha lebih aktif menggerakkan kemajuan dan kestabilan tadbirurus. Sebagaimana menurut Bennis dan Nanus (1985), kejayaan organisasi adalah disebabkan oleh adanya daya kepemimpinan yang baik dalam sesebuah organisasi itu.

Bagi menjelaskan hal ini, Anderson (2017), secara umumnya menegaskan bahawa kepemimpinan adalah asas atau penyebab kepada peningkatan keberkesanan sesebuah organisasi. Ini menggambarkan bahawa kelancaran tadbirurus sesuatu organisasi amat berkait rapat dengan kualiti kepemimpinan dalam kalangan pemimpin sesebuah organisasi. Sebaliknya, perlu dijelaskan bahawa ketiadaan daya kepemimpinan yang baik dalam kalangan pemimpin sesebuah organisasi akan menjerumus organisasi kepada urustadbir yang tidak teratur dan merugikan sahaja (Hassan, 2020; Rozita, Muhammad & Bahiyah, 2018; Hassan & Safar, 2010; Yahya, Aziah & Yaakob, 2006). Hal ini demikian kerana terdapat beberapa pekerja yang bekerja sambil lewa dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Ini

turut memberi kesan kepada orang lain dalam setiap kerja yang dilakukan. Misalnya, terdapat tugas secara berkumpulan yang perlu dilakukan serta disiapkan mengikut tempoh masa tertentu tetapi sikap tidak bertanggungjawab oleh sesetengah ahli kumpulan menyumbang kepada pelbagai masalah. Situasi ini bukan sahaja mempengaruhi hasil tugas yang dilakukan tetapi turut memberi beban kepada ahli kumpulan yang lain. Ini menjelaskan lagi bahawa pentingnya elemen kepemimpinan dalam diri setiap ahli kumpulan. Misalnya, sikap amanah dan bertanggungjawab dalam memastikan tugas yang diberi dapat disiapkan dengan sempurna amatlah penting dalam situasi tersebut malahan menyemai sikap rajin juga amatlah perlu agar setiap tugas dapat dilakukan dengan baik dan lancar tanpa berlaku perselisihan faham antara satu dengan yang lain.

Malahan, ketiadaan elemen kepemimpinan dalam kalangan individu di pelbagai sektor seperti sektor pendidikan turut boleh merugikan. Ini kerana setiap aspek pengurusan organisasi perlu lah dilaksanakan atau dikendalikan secara berhemah dan bertanggungjawab memandangkan ianay melibatkan pelbagai jenis kos seperti kos kewangan, masa dan sebagainya. Sekiranya, terdapat segelintir pihak yang tidak amanah dalam tanggungjawab yang diberi maka ini akan membawa kesan negatif kepada ramai pihak. Misalnya, dalam kes pekerja menyebarkan maklumat sulit kepada pihak lain demi kepentingan peribadi sendiri, kerugian pasti akan menimpa organisasi dan juga semua pihak dalam organisasi tersebut. Keadaan ini sudah semestinya boleh berlaku dalam sektor pendidikan. Ini bermakna terdapat hubungkait signifikan diantara kepemimpinan dan sektor pendidikan. Namun demikian, tidak semua pihak memahami tentang kepentingan kepemimpinan dalam sektor pendidikan. Oleh itu, perbincangan lanjut tentang kepentingan kepemimpinan dalam sektor Pendidikan wajar dilakukan.

### **Pendekatan Kualitatif Sebagai Asas Perbincangan**

Bagi membincangkan tentang kepentingan kepemimpinan dalam sektor pendidikan maka kertas kerja ini disediakan berasaskan penggunaan pendekatan kualitatif. Pendekatan seumpama ini merujuk kepada pendekatan kajian yang memerlukan pemerhatian yang teliti terhadap topik yang diketengahkan secara tematik, semulajadi dan bebas berasaskan maklumat dari pelbagai sumber seperti sumber primer serta sekunder, dan bukannya berasaskan maklumat kuantitatif (frekuensi, peratusan, sisihan piawai, dan sebagainya) (Ationg, Esa, Ibrahim & Muis, 2020; Ationg, Ibrahim, Esa, & Layapan, 2020; Rahman, Ationg & Zulhaimi, 2017; Chua, 2011; Neuman, 2006; Hamzah, 2004; Reichadt & Cook, 1979). Secara umumnya, pendekatan kualitatif dianggap sebagai rekabentuk yang popular dalam bidang sains sosial kerana kecenderungan pendekatan ini dikaitkan dengan dengan historiografi, etnografi, dan sosiologi. Malahan pendekatan ini menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan perisian atau kaedah tertentu (Ationg, 2020; Alasuutari, 2010). Sehubungan itu, maklumat penulisan kertas kerja ini terdiri daripada maklumat sekunder iaitu maklumat berasaskan rujukan bahan-bahan penulisan terdahulu oleh pelbagai pihak seperti pengkaji dan penulis yang bersesuaian untuk digunakan bagi membincangkan kepentingan kepemimpinan dalam sektor pendidikan. Antara bahan penulisan yang dimaksudkan ialah buku, jurnal dan makalah. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui bahan-bahan sekunder ini maka bahagian seterusnya mengengahkan perbincangan lanjut tentang konsep kepemimpinan serta kepentingan kepemimpinan dalam sektor pendidikan.

## Konsep Kepemimpinan

Sarjana seperti Stogdill (1974) dan Schein (1986) biasanya berpandangan bahawa konsep kepimpinan dapat didefinisikan dengan pelbagai cara oleh para pengkaji ilmu kepimpinan, bergantung kepada tumpuan kajian masing-masing. Ini bermakna, bagi tujuan memahami konsep kepemimpinan ini maka pelbagai aspek atau pembolehubah perlu diambilkira. Dalam pada itu, sebagaimana menurut Rozita, Muhammad dan Bahiyah (2018), kajian oleh Winston & Patterson (2006) menggambarkan terdapat lebih 90 pembolehubah atau dimensi yang boleh digunakan untuk memahami maksud kepemimpinan menurut perspektif pengkaji-pengkaji kepemimpinan daripada pelbagai disiplin. Menurut kajian tersebut, antara dimensi yang dikenalpasti ialah keupayaan memberi sokongan, mengambil risiko, aktif, sentiasa terkehadapan, berorientasikan kemanusiaan. Namun demikian, disebalik kepelbagaian pembolehubah dan dimensi ini, kajian tersebut juga menekankan bahawa terdapat beberapa persamaan yang kerap digunakan oleh para pengkaji bagi mendefinisikan konsep penting ini.

Bagi menjelaskan hal ini, Rozita, Muhammad dan Bahiyah menjelaskan, “*bagi Northouse (2009), beliau mencerakinkan lima dimensi untuk menjelaskan takrif kepimpinan. Yang pertama ialah, dimensi kepimpinan adalah berkaitan ciri-ciri individu menyokong pernyataan bahawa pemimpin adalah dilahirkan (nature) dan bukannya dibentuk (nurture). Ianya merujuk kepada pemimpin yang mempunyai ciri-ciri khusus seperti berkeyakinan tinggi, bijak membuat keputusan, pandai bergaul dan sebagainya. Yang kedua ialah, dimensi kepimpinan adalah satu bentuk keupayaan mempunyai persamaan dengan pandangan yang pertama iaitu keupayaan memimpin sebagai bakat semulajadi. Namun, sesetengah pendapat menghujahkan keupayaan memimpin boleh dibangunkan menerusi latihan. Yang ketiga ialah, dimensi kepimpinan merupakan satu bentuk kemahiran, di mana kepimpinan dilihat sebagai kompetensi boleh-bina untuk mencapai matlamat organisasi. Ianya membuka peluang kepada lebih ramai orang untuk menjadi pemimpin melalui pembelajaran dan latihan. Yang keempat ialah, dimensi kepimpinan adalah berkaitan tingkahlaku menekankan jenis tingkah laku utama dalam orientasi tugas pemimpin iaitu berorientasikan tugas dan berorientasikan manusia. Yang kelima ialah, dimensi kepimpinan adalah berkaitan perhubungan mentakrifkan kepimpinan daripada sudut komunikasi dua hala, di antara pemimpin dengan pengikutnya. Dalam hal ini, perlakuan pemimpin mempengaruhi pengikutnya dan begitulah pula sebaliknya*” (2018, m/s. 30).

Rozita, Muhammad dan Bahiyah juga menjelaskan bahawa “*Lussier & Achua (2007) pula mendefinisikan kepimpinan mengikut lima dimensi iaitu (i) pengaruh, (ii) objektif organisasi, (iii) hubungan pemimpin-pengikut, (iv) perubahan, dan (v) hubungan dengan orang ramai. Di samping itu, Lussier & Achua (2007) mengemukakan tiga kategori peranan pemimpin dalam menjalankan tanggungjawab kepimpinan. Pertamanya ialah peranan interpersonal. Ia termasuklah peranan ketua organisasi memberi arahan, melatih dan menilai prestasi orang bawahan. Selain itu, peranan interpersonal pemimpin ialah mewakili organisasi ketika acara formal dan bukan formal, mempengerusikan mesyuarat dan peranan sebagai perantara yang melibatkan jaringan pihak luar. Keduanya ialah peranan informasi atau maklumat iaitu penyeliaan dan penapisan sebarang maklumat yang diterima oleh organisasi, penyaluran maklumat kepada orang bawahan organisasi dan jurucakap bagi organisasi pimpinannya. Ketiganya ialah peranan pembuatan keputusan yang memerlukan pemimpin berkemahiran keusahawanan supaya boleh memberikan buah fikiran yang inovatif ke arah perubahan*”

*dalam organisasi, pembetul kesilapan dan perunding ketika krisis ataupun konflik dan bijak mengagihkan sumber tenaga dan kewangan organisasinya” (2018, m/s. 30-31).*

Disamping itu, selaras dengan kepelbagaian tersebut, Rozita, Muhammad dan Bahiyah juga memetik “*bagi Hughes, Ginnet & Curphy (1999), mereka mengenal pasti kemahiran asas dan kemahiran lanjutan yang diperlukan oleh seseorang pemimpin. Antara kemahiran asas yang disenaraikan ialah komunikasi berkesan, kemahiran mendengar, perlakuan asertif, keupayaan memberi maklum balas yang membina, memberi hukuman secara berhemah, pengurusan stres, kemahiran teknikal berkaitan bidang, pengendalian mesyuarat dan pembinaan hubungan positif dengan pengurusan atasan, orang bawahan serta rakan sekerja. Kemahiran-kemahiran lanjutan bagi seorang pemimpin pula termasuklah bijak mengagihkan tugas dan menurunkan kuasa, berupaya menangani konflik dengan baik, kepintaran berunding, kemahiran pembuatan keputusan, meningkatkan kreativiti, membina pasukan berkesan, membina kredibiliti, merancang pembangunan organisasi, latihan dan pementoran” (2018, m/s. 31).*

Selaras dengan pandangan pengkaji-pengkaji ini yang mengemukakan pandangan masing-masing maka bolehlah dikatakan bahawa konsep kepemimpinan sebenarnya merujuk kepada kemampuan seseorang yang bukan hanya terdiri daripada pemimpin tetapi juga individu lain untuk mempengaruhi perilaku orang lain bagi tujuan memastikan pencapaian matlamat tertentu, khususnya matlamat sesebuah organisasi dengan adanya pengetahuan dan kemahiran khusus. Berdasarkan definisi ini maka bolehlah dikatakan bahawa kepemimpinan merupakan salah satu elemen penting dalam sektor pendidikan. Bagi membincangkan kenapakan kepemimpinan dianggap sebagai elemen penting dalam sector pendidikan maka perbincangan seterusnya menumpukan kepada hal ini.

### **Kepemimpinan Sebagai Elemen Penting Dalam Sektor Pendidikan**

Bagi tujuan menjelaskan hakikat bahawa kepemimpinan sememangnya merupakan elemen penting dalam sektor pendidikan maka beberapa perkara dikemukakan seperti berikut:

#### **Kepemimpinan Sebagai Elemen Dalam Pembinaan Keyakinan Diri Warga Pendidik dan Pelajar**

Kepemimpinan seseorang pemimpin dalam sektor pendidikan khususnya para pentadbir, pensyarah, guru dan pembantu pengajar biasanya berupaya mendatangkan kesan positif kepada keyakinan diri mereka dan juga para pelajar yang mereka didik. Roselena (2015) menjelaskan hal ini dengan menegaskan bahawa seseorang pemimpin yang mempunyai kualiti kepemimpinan biasanya dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran sewajarnya. Pemilikan dua hal tersebut membolehkan mereka dapat melakukan sesuatu tugas dengan lebih cemerlang apabila mereka berkeyakinan, berpengetahuan serta berkemahiran berbuat demikian. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pula, keadaan ini akan menyebabkan para pelajar turut mempunyai keyakinan tinggi terhadap tenaga pengajar seumpamanya. Hasil daripada wujudnya keyakinan diri oleh kedua pihak ini maka usaha berkaitan pemertabatan pendidikan negara boleh dijayakan. Hal ini demikian kerana kepemimpinan yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar seharusnya memberikan impak-impak yang positif dalam kalangan warga sektor Pendidikan. Sebagai contoh, berikutan pemilikan daya kepemimpinan yang baik maka seseorang tenaga pengajar akan lebih bersifat berani dalam menjalankan apa jua yang dihadapi dalam kehidupan seharian mereka. Dalam erti kata yang lain, dengan adanya daya

kepemimpinan, mereka boleh menampilkan sesuatu yang lebih menarik apabila berkomunikasi dengan orang ramai. In secara langsung mahupun sebaliknya menyebabkan para pelajar menjadikan tenaga pengajar sebagai ikutan mereka. Maka dengan itu, para pelajar juga berusaha untuk menjadi seorang yang lebih berkeyakinan diri dalam menghadapi cabaran dan halangan yang dilalui di masa akan datang. Malah, kepemimpinan yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar itu juga berperanan mengubah persepsi mereka sendiri dan juga para pelajar terhadap hal ehwal berkaitan usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Justeru itu adalah jelas bahawa kepemimpinan merupakan elemen penting dalam hal pembinaan keyakinan diri tenaga pengajar dan pelajar.

### **Kepemimpinan para Pemimpin Sektor Pendidikan dapat Meningkatkan Prestasi Pelajar**

Pengurusan yang cekap, tangkas dan sistematik dalam memimpin sektor pendidikan dapat meningkatkan kualiti dalam menguruskan pelbagai hal. Pengurusan yang cekap ini biasanya dikaitkan dengan adanya daya kepemimpinan berkualiti dalam kalangan pengurus di sektor pendidikan (Suhailie, 2019). Oleh itu, sudah semestinya tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi pelajar adalah terletak di tangan pihak pengurusan sektor pendidikan. Pihak pengurusan ini, memainkan peranan penting memimpin organisasi khusus dalam sektor pendidikan seperti institusi pengajian tinggi mahupun sekolah untuk berfungsi dengan lebih teratur, berkesan dan berhemah. Bertepatan dengan itu, kualiti kepemimpinan seseorang pengurus akan menentukan samada prestasi para pelajar dapat ditingkatkan atau pun sebaliknya. Ini kerana, pihak pengurusan yang mempunyai kualiti kepemimpinan biasanya mempunyai kaedah yang lebih jelas dalam aspek tersebut. Ini khususnya berlaku dalam aspek penyediaan garis panduan untuk para tenaga pengajar gunakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka. Keasn daripada penyediaan garis panduan yang jelas ini akan mampu memberi kesan positif kepada peningkatan prestasi pelajar. Namun, sebaliknya, ketiadaan kualiti kepemimpinan yang sewajarnya dalam kalangan pihak pengurusan turut membawa kepada kemerosotan prestasi pelajar. Ini berikutan kegagalan mereka merangka garuispanduan yang jelas untuk digunapakai oleh para tenaga pengajar dalam apa juga aktiviti terutamanya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran. Maka dengan itu, adalah bertepatan sekiranya dikatakan bahawa aspek kepemimpinan para pemimpin sektor pendidikan mampu menjadi tunjang kepada peningkatan prestasi pelajar.

### **Kepemimpinan Membantu Melahirkan Model Insan Berkualiti**

Kepentingan kepemimpinan dalam sektor pendidikan juga ialah dapat dilihat dari sudut keupayaan hal ini membantu dalam melahirkan model insan yang berkualiti dengan sahsiah yang terpuji, berkemahiran tinggi dan mampu berfikir secara kreatif dan kritis (Mohamad Izzuan Mohd Ishar & Mohd Khata Jabor, 2019). Ini kerana dengan adanya kualiti kepemimpinan dalam kalangan pemimpin sektor pendidikan maka mereka dapat memberikan para pelajar pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai kaedah menggunakan sumber-sumber yang ada seperti tenaga pengajar, kemudahan infrastruktur dan kewangan. Selain itu, mereka juga boleh menyediakan lebih banyak peluang kepada para pelajar untuk mengikuti latihan kemahiran berkualiti secara berterusan. Latihan kemahiran yang diberikan kepada pelajar ini dapat memberikan pengalaman yang baik dan membantu pelajar untuk menjadi seseorang yang berkemampuan tinggi dalam menghadapi cabaran dan persaingan dalam pendidikan atau pekerjaan mereka kelak. Ini membuktikan bahawa kepemimpinan para pemimpin sektor pendidikan wajar dianggap sebagai elemen penting dalam pembentukan atau

usaha melahirkan modal insan yang berkualiti. Dalam masa yang sama, keperibadian pelajar yang dibentuk selaras dengan konsep modal insan yang baik ini juga akan dapat mengelakkan berlakunya pelbagai bentuk masalah sosial di sektor pendidikan. Maka dengan itu adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kepemimpinan membantu melahirkan modal insan yang berkualiti.

### Rumusan

Secara ringkasnya, adalah didapati bahawa daya kepemimpinan adalah amat penting dan perlu diterapkan dalam setiap individu bagi melahirkan masyarakat yang berwibawa dan berfikiran sistematik. Hal ini kerana daya kepemimpinan yang dimiliki oleh seseorang pemimpin membolehkan mereka dihormati serta dipandang tinggi oleh orang lain secara tidak langsung jika mereka bijak dalam menguruskan sesuatu masalah. Ini bertepatan dengan pandangan para pengkaji atau sarjana terdahulu seperti Hassan (2020), Rozita, Muhammad dan Bahiyah (2018), Hassan dan Safar (2010), serta Yahya, Aziah dan Yaakob (2006) yang menggambarkan bahawa terdapat keperluan aspek-aspek seperti itu dalam proses pembangunan modal insan. Daya kepemimpinan bukan hanya perlu ada pada orang yang berpangkat tinggi, malah ibu-bapa juga perlu mempunyai daya kepemimpinan kerana mereka juga perlu memainkan peranan signifikan untuk membesarkan dan memastikan anak-anak mereka cergas bagi membolehkan mereka menjadi penyumbang kepada aset negara suatu hari nanti. Hal ini juga kerana ibu-bapa adalah sebagai *role-model* kepada kanak-kanak apabila mereka biasanya mengikut jejak atau tingkah laku ibu-bapa mereka. Ini bermakna, daya kepemimpinan amat perlu dimiliki oleh semua pihak dalam sektor pendidikan, khususnya pemimpin dalam sektor ini yang sering dianggap sebagai individu yang wajar mempunyai daya kepemimpinan selaras dengan hakikat bahawa mereka diperlukan bagi memastikan sektor pendidikan negara mampu berkembang dengan baik.

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2110 & TLS2105).

### Rujukan

- Agus Purwanto, Masduki Asbari & Agus Hari Hadi (2020). Pengaruh gaya kepemimpinan transformational, authentic, authoritarian, transactional terhadap kinerja guru Pesantren di Tangerang. *Dirasah*, 3(1), 85-110.
- Alasuutari, P. (2010). Peningkatan dan relevansi pendekatan kualitatif. *Metodologi Penyelidikan Sosial Jurnal Antarabangsa*, 13(2), 139-155.
- Anderson, M. (2017). Transformational leadership in education: A review of existing literature. *International Social Science Review*, 93(1), 4-13
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Ationg, R. (2001). *Keberkesanan Kepimpinan Tempatan dalam Aktiviti Pembangunan Desa di Daerah Kudat*. Unpublished Master Thesis, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Ationg, R., Zulhaimi, N.A., Ibrahim, M.A. & Hashim, J. (2018). Leaders' Animosity and Leaders' Enviousness: An Analysis on Factor Associated with the Growing Tense Ethnic Relations in Sabah, Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*, 11(1), 75-81.



- Ationg, R., Ibrahim, M.A., Esa, M.S. & Layapan, M. (2020). Analisis pola pengundian dan senario politik semasa di Malaysia era pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 60-71.
- Bennis, W. & Nanus, B. (1985). *Leaders: The strategies for taking charge*. New York: Harper & Row.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.
- Hamzah, A. (2004). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-10.
- Hassan, M.M. (2020). *Ciri-ciri, faktor dan cabaran kepimpinan pelajar wanita di Universiti Putra*. Kertas Kerja dibentangkan dalam TFHWLC 2018 di Palm Garden Hotel, Putrajaya pada 12 November 2018.
- Hassan, J. & Safar, S.A. (2010). *Pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Diperolehi daripada: <https://core.ac.uk/download/pdf/11786149.pdf>.
- Hughes, R.L., Ginnet, R.C. & Curphy, G.J. (1999). *Leadership: Enhancing the lessons of experience*. Boston: Irwin McGraw-Hill.
- Lussier, R.N. & Achua, C.F. (2007). *Effective leadership (3rd Edition)*. Australia: Thomson SouthWestern.
- Martin, J. & Marion, R. (2005). Higher education leadership roles in knowledge processing. *The Learning Organization*, 12(2), 140-151.
- Mohamad Izzuan Mohd Ishar & Mohd Khata Jabor (2019). Penerapan sifat kepimpinan guru ke-arrah mencapai Wawasan Pendidikan Negara. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(5), 1- 6.
- Neuman, W.L. (2006). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Toronto: Pearson.
- Northouse, P.G. (2009). *Introduction to Leadership: Concepts and Practice*. USA: SAGE Publications.
- Rahman, A.T.A., Ationg, R. & Zulhaimi, N.A. (2017). A paradigm shift in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 9(1), 46-56.
- Reichardt, C.S. dan Cook, T.D. (1979). Beyond qualitative versus quantitative methods. In T.D. Cook & C.S. Reichardt (Eds.), *Qualitative and quantitative methods in evaluation research*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Roselena, M. (2015). Kepimpinan berkualiti: Perspektif mengenai kompetensi yang diperlukan untuk memimpin dengan berkesan. *Jurnal Pengurusan*, 45, 143-154.
- Rozita Ibrahim, Muhammad Rahimi Hassan & Bahiyah Abdul Hamid (2018). Takrif kepimpinan, ciri-ciri pemimpin dan motivasi untuk memimpin menurut sudut pandang pemikiran wanita akar umbi. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 19, 28-42.
- Schein, E. H. (1986). *Organizational culture and leadership*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Stogdill, R. M. (1974). *Handbook of leadership: A survey of theory and research*. New York: Free Press.
- Suhailie, Y. (2019). Pengaruh gaya kepimpinan ke atas prestasi Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 167-184.
- Yahya Don, Aziah Ismail & Yaakob Daud. (2006). *Kepimpinan pendidikan di Malaysia*. Batu Caves Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

